

06/09/1999

Pelabur wajar tambah pegangan

Fred Tam

SAHAM di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sekali lagi mengalami kemerosotan minggu lalu apabila dana asing terus menjual pegangan saham mereka walaupun dilaporkan hanya AS\$456 juta (RM1.732 bilion) dana portfolio asing yang dibawa keluar dari negara ini sejak 1 September lalu.

Indeks Komposit (IK) jatuh 19.47 mata atau 2.55 peratus untuk ditutup minggu lalu pada 745.32 mata. Paras terendah ialah 730.64 dicatatkan pada Khamis.

Kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Khamis bahawa pasaran saham tempatan dalam masa terdekat akan sekali lagi meneruskan arah aliran meningkat turut tidak dapat membantu menaikkan keyakinan pasaran.

Peserta dan penganalisis pasaran sebaliknya bertindak balas terhadap pendirian kerajaan untuk mengekalkan struktur cukai keluar bagi dana portfolio asing sedia ada.

Laporan mengenai jualan berterusan dana asing berikutan ketiadaan sebarang pengumuman mengenai keputusan kerajaan untuk melonggarkan kawalan modal berpilih yang dilaksanakannya bertanggungjawab terhadap kelemahan pasaran minggu lalu.

Bagaimanapun adakah sebarang sebab untuk berlakunya kebimbangan keterlaluan terhadap ketegasan Malaysia untuk mengekalkan polisinya mengenai kadar pertukaran tetap dan struktur cukai keluar sehingga seorang pelabur itu perlu menjual pegangan sahamnya seperti yang dilakukan oleh dana asing?

Dengan kejatuhan tinggi sebanyak 32 mata dalam tempoh dua hari iaitu pada Rabu dan Khamis, sedikit yang akan menyalahkan tindakan pelabur mengurangkan kedudukan pegangan mereka.

Jika seseorang itu menurut hati, dia tentunya akan menjual. Sebaliknya jika seseorang itu berfikir dan bertanya dirinya sama ada Malaysia kini adalah lebih baik atau lebih buruk daripada sebelum pelaksanaan kawalan modal pada 1 September 1998, beliau tentunya berfikir dua kali sebelum menjual.

Orang ramai seolah-olah tidak nampak kenyataan bahawa hanya sejumlah AS\$456 juta saja dana asing yang dibawa keluar sejak 1 September lalu. Sebelum ini pemerhati menjangkakan berlakunya pengeluaran secara besar-besaran kira-kira AS\$5 bilion (RM19 bilion), tetapi ini tidak berlaku.

Satu kemungkinan yang munasabah mengapa IK merosot walaupun jumlah dana asing yang di bawa keluar adalah kecil adalah disebabkan oleh apa yang disebut sebagai "stragglers selling" atau "jualan terpaksa" yang mana pelabur asing dan tempatan enggan menjual dua minggu lalu dengan anggapan bahawa kerajaan akan menyokong pasaran pada 1 September dan apabila ini tidak berlaku mereka bertindak menjual dan menyebabkan pasaran menjunam.

Adalah dilaporkan Templeton dan dana asing lain menjual secara besar-besaran dalam tempoh tiga hari penghujung minggu lalu. Bagaimanapun seseorang itu perlu faham bahawa, semasa sesetengah pelabur asing mungkin mendapati Malaysia tidak menarik, tetapi bagi sesetengah pelabur asing lain mereka mungkin berfikir di sebaliknya.

Sebenarnya banyak pelabur asing yang melihat dasar Malaysia sebagai pragmatik.

Bagi kita rakyat Malaysia atau yang sudah tinggal agak lama di negara ini akan memahami bahawa dasar kerajaan sejak 1 September 1998 dilaksanakan bagi kebaikan perniagaan dan rakyat. Ia dilaksanakan bagi

keselamatan negara secara keseluruhannya.

Jika Malaysia melaksanakan penyelesaian cara IMF, negara ini mungkin keluar daripada kemelesetan, tetapi bagaimana pula kos yang terpaksa dibayar?

Pendirian Malaysia untuk terus mengekalkan kawalan modal adalah satu lagi punca kejatuhan harga saham minggu lalu.

Pengumuman Dr Mahathir Khamis lalu bahawa Malaysia tidak akan membiarkan nilai ringgit diapungkan tidak harus dilihat sebagai negara ini adalah antipasaran bebas. Di sini sekali lagi kita percaya bahawa orang asing tersalah anggap mengenai niat kita.

Malaysia berpegang kepada kawalan modal berpilih kerana kebimbangannya mengenai kemungkinan krisis kewangan yang berlaku pada 1997/98 berulang dan bukan kerana sebab lain.

Jualan dana asing minggu lalu turut dikaitkan dengan kekecewaan mereka kerana keuntungan yang diperolehi daripada pasaran saham yang dibawa keluar dalam tempoh 12 bulan dikenakan cukai 30 peratus.

Kadar cukai keluar itu berkurangan kepada 10 peratus jika keuntungan itu dibawa keluar selepas tempoh itu.

Bagaimanapun jualan mereka perlu dilihat sebagai reaksi keterlaluan terhadap peraturan itu kerana cukai keuntungan atau turut dikenali sebagai keuntungan modal turut dilaksanakan oleh negara maju tetapi ia tidak menjadi isu.

Orang ramai seolah-olah lupa bahawa asas ekonomi Malaysia semakin mengukuh sejak September tahun lalu. Kekukuhan berterusan angka ekonomi menunjukkan negara ini adalah dilandaskan mengeluarkannya daripada kemelut ekonomi yang ditinggalkan oleh spekulator mata wang pada 1997/98.

Secara teknikalnya, IK sudah membuat pembedahan sebanyak 50 peratus daripada 667 kepada 803 mata.

Indeks itu sudah mengisi jurang kenaikan yang dicatatkan pada 21 Ogos, iaitu sehari sebelum pengumuman Malaysia akan dimasukkan semula ke dalam Indeks Komposit Morgan Stanley Februari tahun depan.

Secara kebetulan, arah aliran sekarang adalah sama dengan arah aliran pada September tahun lalu (lihat carta bawah). Perhatikan dalam carta itu IK turut berada pada paras terendah selepas mengisi jurang kenaikan.

Pada September tahun lalu, ia mengambil masa 23 sesi sebelum IK meneruskan reli baru. Sehingga Jumaat minggu lalu, pasaran sudah melalui 18 sesi pengukuan.

Jika sejarah berulang, maka pengukuhan sekarang akan membawa kepada reli baru selewat-lewatnya menjelang 10 September ini. Berdasarkan jangkaan arah aliran peningkatan baru itu, pelabur harus memegang atau menambah pegangan saham berkaitan indeks yang bermutu dan bukannya menjual.

(END)